

**Identiti Korporat Pada Sesebuah Kafe : Kajian Kes –**

**Kafe Coffee Bean & Tea Leaf**

**Disediakan Oleh :**

**Amelia Bte Ahmad Lathfi**

**96250401**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, Universiti  
Teknologi Mara, Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Keperluan Ijazah Sarjana  
Muda Seni Reka Grafik.**

1. **Diperiksa Oleh : ..... Tarikh :.....**
2. **Diperiksa Oleh : ..... Tarikh :.....**
3. **Diperiksa Oleh : ..... Tarikh :.....**

**Dekan  
Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka  
Universiti Teknologi Mara  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan**

## SINOPSIS

Nama kafe Coffee Bean & Tea Leaf sudah tidak asing lagi kini bagi penduduk sekitar Lembah Klang khususnya dan umumnya di Malaysia kini. Kafe Coffee Bean dan Tea Leaf ini merupakan nama bagi sebuah kedai kopi ataupun restoran kecil yang menyajikan pelanggan minuman ringan yang tertumpu kepada kopi dan teh juga menyediakan makanan ringan serta ia berkonsepkan layan diri. Untuk itu tujuan identiti korporat pada kafe tersebut diperlukan untuk memperkenalkan kehadirannya disitu. Maka dengan ini, tercetuslah idea untuk membuat analisis bagi mengetahui lebih lanjut tentang kekuatan identiti korporat kafe Coffee Bean ini kepada masyarakat sekeliling. Kepentingannya juga dibuat analisis ini bukan sahaja untuk masyarakat sekeliling bahkan juga untuk pengetahuan pelanggan, pelancong dan juga kepada pengusahanya sendiri mengenai kedudukan identiti korporatnya.

Di sini penulis cuba mengkaji serta menyelidiki mengenai identiti korporat pada kafe tersebut, kepada pelanggan dan masyarakat setempat umumnya. Penerimaan dan pemahaman pelanggan juga masyarakat amatlah perlu di dalam menjayakan usaha ini. Oleh yang demikian sejauh manakah kekuatan identiti korporat kafe ini serta penerimaannya sejajar dengan arus pemodenan negara ini. Menerusi skop kajian ini penulis akan cuba mencungkil mengenai identiti korporat kafe ini berdasarkan daripada data-data dan maklumat-maklumat yang diperolehi.

Di samping itu juga, kaedah yang digunakan untuk meneliti, mengetahui, mencari bukti dan mengumpul fakta-fakta iaitu dengan mencari bahan-bahan di perpustakaan, melawat ke tempat tempat ataupun kafe-kafe yang dikaji untuk mengambil gambar dan meneliti dengan lebih dekat ciri-ciri ataupun unsur-unsur yang ada persamaannya pada kafe lain serta yang ada pada kafe Coffee Bean dengan menilai kekuatan identiti korporatnya.

Permasalahan yang wujud ialah apabila masyarakat sekelilingnya menganggap identiti korporatnya tidak penting serta sama sahaja dengan kafe-kafe lain yang ada disekitar Lembah Klang dan Kuala Lumpur kerana pada mereka ia seolah membawa konsep perniagaan yang serupa seperti yang mereka lihat dari bahagian luarannya sahaja tanpa berusaha untuk menilai dan mengetahui tersurat dan tersiratnya sesuatu seni reka ataupun kepentingan sesuatu identiti korporat itu dalam memainkan peranan untuk menjayakan perniagaan kafe tersebut.

## **Kandungan**

## **Mukasurat**

<b>Penghargaan</b>	<b>i</b>
<b>Sinopsis</b>	<b>ii</b>
<b>Kandungan</b>	<b>iii</b>

### **BAB 1**

<b>1.1 Pengenalan</b>	<b>1</b>
<b>1.1.2 Tujuan, Objektif dan Masalah Penyelidikan</b>	<b>3</b>
<b>1.1.3 Kesignifikan</b>	<b>5</b>
<b>1.1.4 Kaedah dan Prosedur</b>	<b>6</b>
<b>1.1.5 Penutup</b>	<b>9</b>

### **BAB 2**

<b>2.1 Definisi Istilah Identiti</b>	<b>11</b>
<b>2.1.2 Definisi Istilah Korporat</b>	<b>12</b>
<b>2.1.3 Definisi Istilah Kafe</b>	<b>13</b>
<b>2.1.4 Sejarah Perkembangan Coffee Bean &amp; Tea Leaf</b>	<b>14</b>
<b>2.1.5 Perspektif Pembukaan Kafe Coffee Bean &amp; Tea Leaf</b>	<b>18</b>
<b>2.1.6 Identiti Korporat Pada Sesebuah Kafe</b>	<b>21</b>
<b>2.1.7 Identiti Korporat Pada Kafe Coffee Bean &amp; Tea Leaf</b>	<b>23</b>

<b>2.1.8</b>	<b>Penggunaan Logo dan Identiti Korporat Didalam dan Diluar kafe</b>	<b>27</b>
<b>2.1.9</b>	<b>Penerimaan Masyarakat Terhadap Identiti Korporat Kafe Coffee Bean &amp; Tea Leaf</b>	<b>30</b>

### **BAB 3**

<b>3.1</b>	<b>Kelebihan dan Keistimewaan Identiti Korporat Kafe Coffee Bean &amp; Tea Leaf</b>	<b>33</b>
<b>3.1.1</b>	<b>Perbandingan Identiti Korporat Kafe Coffee Bean dengan Identiti Korporat Kafe-Kafe Lain</b>	<b>36</b>
<b>3.1.2</b>	<b>Jadual Analisis Jawapan Soalan Kaji Selidik</b>	<b>47</b>
<b>3.1.3</b>	<b>Huraian Analisis Soalan Kaji Selidik</b>	<b>49</b>
<b>3.1.4</b>	<b>Analisis Temubual dan Pendapat</b>	<b>53</b>

### **BAB 4**

<b>4.1</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>56</b>
<b>4.1.1</b>	<b>Cadangan</b>	<b>58</b>

### **BIBLOGRAFI**

## **BAB 1**

### **1.1 PENGENALAN**

Pembentukan serta rekaan suatu identiti korporat pada sesebuah kafe seperti kafe Coffee Bean dan Tea Leaf adalah faktor yang paling penting harus ditonjolkan dahulu apabila hendak memulakan sesebuah perniagaan . Ia merupakan sesuatu imej yang diperlukan untuk berkomunikasi kepada masyarakat sekeliling serta pelanggan dalam bentuk visual komunikasi yang konsisten oleh sesebuah syarikat itu ataupun pada sesebuah kafe tentang perniagaan serta aktiviti yang dijalankan olehnya.

Untuk itu, sistem identiti diperlukan pada peringkat awal dimana sesuatu sistem ataupun cara visual komunikasi secara grafik yang dikoordinasikan dalam satu cara akan dibuat supaya masyarakat sekeliling senang mengenal syarikat ataupun kafe tersebut dan juga segala aktiviti yang dijalankan olehnya.